



02 JUL, 2024

Sorok lebih 15kg dadah dalam kotak mi segera

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Lelaki mahu ke Miri
diberkas kastam di KLIA2

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SEPANG

Cubaan membawa dadah dengan meletakkan di dalam kotak mi segera di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) di sini, untuk mengaburi pihak berkuasa hanya menjerat diri selepas ditahan, baru-baru ini.

Tindakan itu dikesan Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dan anggota Aviation Security Malaysia Airport (AVSEC), pada 16 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah kotak makanan milik seorang lelaki yang didaftar masuk secara sendiri di kaunter sebuah syarikat penerbangan bagi penerbangan ke Miri, Sarawak pada jam 7 petang.

"Hasil pemeriksaan menjumpai sebanyak 15 mampatan kristal putih disyaki dadah jenis ketamin diisi di dalam bungkus teh yang diisi ke dalam kotak makanan berlabelkan jenama mi segera kira-kira 15.181 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM760,000," katanya dalam si-

dang akhbar di Pejabat Perkastaman Kargo KLIA di sini, pada Isnin.

Beliau memberitahu, suspek dipercayai keldai dadah menggunakan modus operandi terbabit bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

Katanya, sindiket menggunakan daftar masuk sendiri bagasi untuk mengedar dadah ke lokasi-lokasi lain bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Suspek telah direman dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti jumlah upah yang diterima suspek," ujarnya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM Zon Tengah berjaya merampas bungkus berisi dadah jenis MDMA di dalam satu kotak bungkus kurier bernilai RM2.5 juta di Zon Bebas Kargo, KLIA Sepang, 19 Jun lalu.

Norlela berkata, bungkus itu dipercayai dari negara Eropah dan di alamatkan kepada sebuah syarikat tempatan.

"Pemeriksaan ke atas kotak itu menemui 15 termos mengandungi pil disyaki

Sorok lebih 15kg dadah dalam kotak mi segera



Norlela (tengah) dan pegawainya menunjukkan bungkus teh selain kotak mi segera yang digunakan suspek untuk menyeludup dadah di KLIA2, pada 16 Jun lalu.

dadah jenis MDMA kira-kira 14.663 kg.

"Pihak kastam kini sedang mengesan syarikat berkenaan sama ada wujud atau sebaliknya selain semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tindakan lanjut," tambah beliau dan kes itu disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



02 JUL, 2024

Sorok lebih 15kg dadah dalam kotak mi segera

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Norlela (tengah) dan pegawainya menunjukkan bungkusan teh selain kotak mi segera yang digunakan suspek untuk menyeludup dadah di KLIA2, pada 16 Jun lalu.

Lelaki mahu ke Miri diberkas kastam di KLIA2

Cubaan membawa dadah dengan meletakkan di dalam kotak mi segera di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) di sini, untuk mengaburi pihak berkuasa hanya menjerat diri selepas ditahan, baru-baru ini.